

BAB KEDUA

INTIFADAH DAN KEBANGKITAN RAKYAT PALESTIN

2.1 Pengenalan

Kegagalan strategi dan pendekatan sebelumnya di dalam menentang Israel tidak melemahkan semangat rakyat Palestin bahkan mereka terus berjuang untuk membebaskan diri dari penguasaan Yahudi dan cuba mengembalikan semula hak mereka yang telah hilang di tangan Israel. Kezaliman dan kekejaman rejim Yahudi pula tidak pernah menjadikan mereka putus asa atau tunduk kepada kuasa tersebut. Setelah hampir 40 tahun berjuang, mereka akhirnya mengubah strategi perjuangan dan mengambil pendekatan baru untuk menghadapi Israel iaitu dengan melancarkan Intifadah.

Sungguhpun begitu, mengapakah setelah begitu lama barulah rakyat Palestin bangun dan mencetuskan Intifadah?. Sedangkan kezaliman dan keganasan tentera Israel sentiasa berlaku. Juga apakah istimewanya Intifadah berbanding aksi penentangan yang lain?. Ini kerana meskipun ia adalah kesinambungan dan kelangsungan daripada siri-siri gerakan menentang pendudukan dan penguasaan Yahudi di Palestin semenjak dahulu lagi tetapi ternyata Intifadah telah membawa pembaharuan. Jika tidak, masakan Israel, negara Arab malah masyarakat dunia terkejut dengan kelahirannya. Justeru, perbincangan di dalam bab ini akan memfokus kepada persoalan – persoalan yang telah dikemukakan.

2.2 Definisi Intifadah

Sebelum mengetahui dengan lebih lanjut tentang gerakan Intifadah rakyat Palestin, eloklah diperjelaskan terlebih dahulu pengertian Intifadah dan mengapakah rakyat Palestin menggunakaninya untuk merujuk kepada perjuangan mereka.

Intifada berasal dari perkataan Bahasa Arab iaitu *nafada* dan ia membawa pelbagai maksud serta pengertian. Antaranya ialah menggeletar kerana ketakutan atau kesakitan selain turut bermaksud tiba-tiba terjaga dari tidur.⁵⁹

Daripada pengertian ini bolehlah dibuat kesimpulan bahawa kelahiran Intifadah adalah hasil daripada cetusan perasaan rakyat Palestin yang berada di dalam keadaan tertekan akibat kezaliman dan penganiayaan yang dilakukan oleh tentera Israel terhadap mereka. Ia berlaku secara tiba-tiba dan melalui hasil usaha mereka sendiri setelah menyedari mereka telah terlalu lama berada di bawah penguasaan Israel. Kerana itu, adalah tepat untuk menggambarkan bahawa Intifadah adalah sebuah perjuangan rakyat Palestin yang dizahirkan melalui pemberontakan bagi melawan penguasaan Israel.⁶⁰

Intifadah sebenarnya telah memberikan semangat serta harapan baru kepada semua rakyat Palestin untuk mengembalikan semula kemerdekaan, kebebasan serta kemuliaan maruah bangsa dan negara mereka. Biarpun menyedari segala kekurangan berpihak kepada mereka namun suntikan Intifadah menjadikan mereka pejuang yang tidak berputus asa. Dan hari ini penggunaan perkataan Intifadah telah menjadi satu perkataan harian bagi rakyat Palestin serta begitu sinonim dengan mereka.

2.3 Kebangkitan Rakyat Palestin

a) Fasa Pertama

Sejarah kelahiran Intifadah dikaitkan dengan kemalangan jalanraya yang berlaku di Semenanjung Gaza pada 8hb. Disember 1987 yang membabitkan lori tentera Israel dengan lori yang membawa pekerja Palestin pulang bekerja dari Israel. Ia telah mencetuskan kemarahan rakyat Palestin kerana empat daripada pekerja Palestin tersebut telah terbunuh manakala tujuh yang lain cedera parah akibat dilanggar oleh lori Israel dari arah yang bertentangan.⁶¹ Keadaan ini merupakan titik peralihan bagi rakyat Palestin bangun menentang Israel secara terbuka dengan penglibatan yang meluas daripada rakyat Palestin.

Sebenarnya kemalangan ini hanyalah merupakan penyebab serta merta bagi meletusnya Intifadah sedangkan jiwa rakyat Palestin telah lama ditanam dengan kebencian terhadap Israel. Kerana itu, dorongan untuk menggerakkan Intifadah telah lama berlaku. Rasa kecewa dan merasa tertindas setelah 20 tahun berada di bawah penguasaan Israel serta kanak-kanak Palestin terbiar tanpa mempunyai masa depan merupakan salah satu faktor pendorong kebangkitan tersebut.⁴ Selain itu, selama 20 tahun juga rakyat Palestin mengharapkan negara Arab dan PLO untuk membantu menyelesaikan masalah mereka tetapi kedua-duanya gagal untuk berbuat demikian. Pelbagai pendekatan perjuangan telah diambil untuk menentang Israel tetapi tidak juga berhasil. Mereka merasakan seolah-olah sudah tiada harapan lagi untuk mendapatkan kembali tanah air mereka. Mereka juga sudah putus asa dan tidak

tahu untuk berbuat apa lagi memandangkan kehidupan mereka sering ditindas dan disekat.⁵

Justeru, apabila berlakunya kemalangan tersebut dengan khabar angin yang mengatakan kemalangan itu dirancang serta merupakan satu perbuatan membala dendam iaitu pemandu lori Israel tersebut dikatakan menuntut bela di atas kematian saudara lelakinya yang telah dibunuh oleh penduduk Gaza pada dua hari sebelum kejadian tersebut, dan secara kebetulan tiga daripada empat orang yang terbunuh di dalam kemalangan tersebut juga adalah dari khemah pelarian Jabalya di Gaza,⁶ telah meningkatkan sensitiviti rakyat Palestin dan membangkitkan penentangan secara luar biasa. Hal ini kerana mereka menganggap kemalangan itu adalah suatu yang dirancang dan bukannya tragedi. Tertekan dengan keadaan begitu menyedarkan mereka untuk bangkit dan bertindak menentang Israel dengan cara mereka sendiri walaupun tidak mempunyai kelengkapan senjata.

Meskipun penyebab kepada meletusnya Intifadah adalah merupakan satu kemalangan tetapi bagi rakyat Palestin ia seolah-olah mencabar mereka sekiranya tidak dapat berbuat apa-apa di atas tindakan Israel. Selama ini tentera Israel sering bertindak kejam terhadap mereka tetapi mereka tidak mampu untuk mengatasinya. Kali ini dendam rakyat Palestin terhadap tentera Israel akan dapat di balas kerana peristiwa tersebut telah membangkitkan sentimen seluruh rakyat Palestin untuk menuntut bela di atas kematian saudara mereka. Ia juga adalah sebagai mempertahankan maruah mereka supaya mereka tidak diperlakukan sewenang-wenangnya.

Berikut itu, kelainan penentangan terhadap Israel kali ini dapat dilihat di khemah pelarian Jabalya di Gaza iaitu tempat pertama berlakunya Intifadah pada 8 dan 9hb. Disember yang dilakukan bersempena dengan majlis pengkbumian mereka yang terbunuh. Demonstrasi secara besar-besaran bagi menentang tindakan serta polisi Israel telah diadakan.⁷ Penglibatan mereka adalah secara menyeluruh tanpa arahan atau suruhan daripada mana-mana pihak dan tidak berorganisasi. Kibaran bendera, simbol keranda dan nyanyian slogan-slogan yang membantah tindakan Israel dilakukan sepanjang demonstrasi dan keadaan ini belum pernah dilakukan sebelum ini. Kali ini Intifadah di kalangan rakyat Palestin telah bermula.

Perubahan jelas yang dapat dilihat pada perjuangan kali ini kerana kerana rakyat Palestin telah bertindak bersendirian. Jika sebelumnya aktiviti penentangan banyak dilancarkan di sempadan-sempadan negara Arab, akan tetapi dengan sikap negara Arab yang menutup sempadan tersebut kerana takutkan ancaman Israel beserta perubahan pendekatan PLO telah menyebabkan rakyat Palestin berjuang tanpa mengharapkan bantuan mana-mana pihak. Kumpulan aliran Islam mempelopori penentangan di dalam Intifadah kerana semenjak sekitar pertengahan tahun 1980-an banyak siri-siri keganasan dicetuskan oleh kumpulan ini. kejayaan Ayatullah Khomeni dan perjuangan kumpulan Syiah di selatan Lubnan telah memberi satu inspirasi buat kumpulan aliran Islam menentang Israel berdasarkan pendekatan Islam.⁸

Penyatuan dan sifat kebersamaan rakyat Palestin juga dapat dilihat melalui kebangkitan ini kerana ia tidak hanya tertunpu di khemah pelarian Jabalya semata-mata bahkan Intifadah ini telah merebak dengan begitu cepat ke tempat lain. Bermula

dari Jabalya ia kemudiannya berpindah ke Khan Yunis, ke al Bouej, Nusierat, dan Ma'azi dan seterusnya ke Rafah di selatan. Setelah seluruh Semenanjung Gaza penuh dengan Intifadah ia merebak pula ke Tebing Barat melalui Balata, kemudiannya ke Kalandia dan sehingga kebanyakan Tebing Barat turut dipenuhi dengan Intifadah.⁹ Intifadah kini berkembang tetapi tidak ada penyelarasan dan bergerak secara rawak. Meluasnya sokongan terhadap Intifadah membuktikan rakyat Palestin bersetuju menggunakan Intifadah sebagai satu cara untuk menunjukkan bantahan dan ketidakpuasan hati mereka terhadap Israel.

Walau bagaimanapun kebangkitan rakyat Palestin pada peringkat ini bukanlah perjuangan bersenjata tetapi lebih kepada demonstrasi dan mogok ekonomi di samping pembakaran tayar, lemparan batu, bom tangan buatan sendiri, ketulan-ketulan besi dan pengibaran bendera-bendera Palestin.¹⁰ Sungguhpun begitu, ternyata Israel gerun dengan tindakan tersebut. Tentera Israel tidak dapat mengawal keadaan ini dan mereka menggelarkan suasana tersebut sebagai satu rusuhan. Kegagalan tentera Israel untuk mengawal Intifadah membuktikan kekuatan kebangkitan rakyat Palestin. Pelbagai kegiatan keganasan telah diambil oleh Israel dan mereka menyifatkannya sebagai satu keperluan untuk memelihara undang-undang.¹¹ Penggunaan gas pemedih mata, peluru getah, pukulan, perintah berkurung, tangkapan beramai-ramai dan sebagainya ternyata tidak berjaya untuk menakutkan rakyat Palestin¹².

Kebangkitan rakyat Palestin kali ini turut menyaksikan sifat ketahanan dan keyakinan terhadap diri mereka untuk menentang Israel. Ia bukanlah semata-mata untuk menunjukkan bahawa mereka benci untuk berada di bawah penguasaan Israel

tetapi merupakan satu tindakan politik dengan objektif supaya Israel keluar dari negara mereka dan memberikan kebebasan buat negara mereka¹³. Sangkaan Israel bahawa Intifadah adalah bersifat sementara jauh meleset. Ini kerana Intifadah cuma dapat dihentikan pada tahun 1993 apabila termeterainya perjanjian Oslo yang ditandatangani oleh PLO selaku wakil Palestin dengan tentera Israel.

Perjanjian Oslo telah mengakui hak negara Israel untuk hidup di dalam keadaan aman dan selamat. Sekatan terhadap Intifadah juga dikenakan apabila Yassir Arafat telah menerima resolusi 242 dan 338 yang menolak perbuatan keganasan dan tindakan kekejaman.¹⁴ Dari sini kegiatan Intifadah dihentikan walaupun ia mendapat bantahan daripada kumpulan di dalam PLO sendiri kerana tindakan PLO yang sanggup memburu rakyat Palestin sendiri di dalam menghapuskan keganasan.

Ternyata kebangkitan kali ini telah membawa perubahan dan menjadi penggerak kepada penduduk Palestin di bawah kepimpinan mereka sendiri untuk menentang penguasaan Israel. Perjuangan untuk mendapatkan negara mereka adalah langkah yang panjang dan Intifadah merupakan langkah pertama ke arah usaha tersebut.

b) Fasa Kedua

Rasa kekecewaan masih menjadi dasar dan teras kepada kebangkitan rakyat Palestin untuk melancarkan Intifadah pada kali kedua. Selama tujuh tahun rakyat Palestin telah memberi peluang kepada Pihak Berkuasa Palestin (PA) untuk menyelesaikan masalah mereka melalui rundingan politik tetapi ternyata ia gagal di manfaatkan.

Justeru itu, rakyat Palestin merasakan bahawa tidak ada cara lain untuk mendapatkan hak mereka kecuali melalui perjuangan Intifadah.

Rakyat Palestin menyedari bahawa Israel tidak akan mudah menyerahkan hak mereka walaupun telah memeterai perjanjian. Ini dapat dilihat di dalam perjanjian Oslo apabila kerajaan Israel sering berdolak-dalik di dalam melaksanakan perjanjian tersebut. Negara Palestin seperti yang terkandung di dalam perjanjian Oslo sepatutnya diisyiharkan pada bulan Mei 2001, tetapi ia kemudiannya telah ditangguhkan dan sehingga sekarang belum terlaksana. Arafat pula telah diberi amaran untuk tidak mengisyiharkan negara Palestin dan sekiranya berlaku pihak Israel tidak akan mengakuinya malah tidak akan keluar dari wilayah yang diduduki.¹⁵

Dengan itu, rakyat Palestin melihat Isarel tidak menggunakan Perjanjian Oslo untuk menubuhkan 2 buah negara sebagai penyelesaian kepada masalah tetapi makin memperbaiki penguasaan. Keadaan ini sudah tentu mengecewakan rakyat Palestin yang sentiasa berharap akan kewujudan sebuah negara mereka yang sah. Mereka juga merasa tertipu dengan sikap dan permainan Yahudi. Yahudi sudah pastinya tidak akan memberikan sebuah negara buat Palsetin kerana sekiranya negara Palestin berjaya ditubuhkan sudah tentulah ia akan melambangkan keruntuhan negara dan maruah mereka.

Rasa kecewa mereka semakin mendalam apabila taraf kehidupan mereka tidak berubah malah bertambah buruk. Rakyat Palestin masih tidak bebas akibat pengenalan dasar tertutup yang dikenakan kepada mereka. Kehidupan sehari-hari mereka pula diselubungi dengan trauma. Mereka sering ditindas, ditekan, dan dihina

serta hidup dalam keadaan ketakutan. Bilangan bangsa Yahudi pula semakin meningkat dengan bertambahnya penempatan dan pembinaan rumah buat mereka. Rakyat Palestin tidak dibenarkan mendiami rumah tersebut sedangkan rumah tersebut didirikan di atas tanah milik mereka.¹⁶ Penempatan Palestin dikepung dengan penempatan Yahudi dan mereka juga terpaksa melalui *checkpoint* walaupun berada di bawah kawasan dan pengaruh PA.¹⁷ Ini menunjukkan penderitaan mereka tetap berterusan sedangkan rundingan di dalam Perjanjian Oslo sepatutnya dapat memperbaiki kehidupan serta menjamin hak mereka.

Justeru, rakyat Palestin sudah tidak mengharap pada sesi rundingan lagi. Bagi mereka hanya Intifadah yang dapat mencapai matlamat mereka dengan cepat. Sensitiviti mereka semakin meningkat dan peluang untuk melancarkan Intifadah tercapai apabila Ariel Sharon Perdana Menteri Israel sekarang yang ketika itu menjadi pemimpin berhaluan kanan Yahudi melawat ke Mount Temple iaitu kawasan tapak suci Yahudi di perkaraan al-Aqsa telah menyebabkan rakyat Palestin memberi tindak balas serta merta dan meletuskan Intifadah 11.¹⁸ Kunjungan Sharon ke tempat tersebut dibuat pada hari Khamis 28 September 2000 dan telah dilindungi oleh 3000 tentera dan pegawai polis.¹⁹

Tidak hairanah pada hari tersebut rakyat Palestin kemudiannya bertindak keluar beramai-ramai membantah tindakan tersebut. Hal ini kerana bagi mereka Sharon tidak sensitif dengan keadaan rakyat Palestin. Lawatan Sharon mencemarkan kesucian Islam dan rakyat Palestin memang tidak boleh menerima hal ini. Selain itu, rakyat Palestin menyifatkan tindakan Sharon sebagai satu provokatif kerana kawasan tersebut adalah kawasan yang ditawan oleh Israel pada tahun 1967 dan ia

merupakan tempat perebutan kedua-dua belah pihak. Wartawan-wartawan asing pula mengatakan lawatan Sharon menunjukkan bahawa Yahudi merancang untuk mendapatkan bandar tersebut yang mempunyai tempat suci di dalamnya.²⁰ Sharon juga dilaporkan mengatakan bahawa tempat tersebut adalah kepunyaaan Yahudi.²¹

Tindakan rakyat Palestin ini memang kena pada masanya kerana Sharon scolah-olah mencabar sensitiviti rakyat Palsetin. Ini kerana tempat tersebut adalah milik rakyat Palestin suatu ketika dulu dan ia menjadi lambang dan simbol peradaban rakyat Palestin. Mereka begitu menjaga Masjid al-Aqsa daripada anasir-anasir yang boleh mencemarkan kesuciannya. Di sinilah tamadun Islam bermula. Ia merupakan tempat keagungan Islam dan merupakan tinggalan sejarah dan keagamaan yang perlu dipertahankan.

Kerana itu, tidak hairanlah Intifadah kali kedua ini dinamakan Intifadah al-Aqsa. Nama ini diberi oleh seorang ahli Parlimen Israel Dr. Ahmad Tibi yang merujuk terhadap keganasan yang dicetuskan oleh rakyat Palestin adalah disebabkan kemarahan mereka terhadap masa depan Masjid al-Aqsa.²²

Sebenarnya, menurut laporan yang dikeluarkan oleh ahli jawatankuasa yang ditubuhkan bagi mengkaji sebab Intifadah 11 berlaku di mana ia telah menunjukkan bahawa rakyat Palestin dan wakil dari Amerika Syarikat sudah mendesak Ehud Barak iaitu Perdana Menteri Israel ketika itu supaya tidak membenarkan lawatan Sharon. Walau bagaimanapun Barak menolak cadangan tersebut kerana beliau melihat lawatan tersebut cuma satu tindakan politik yang dilakukan bertujuan untuk menjatuhkan beliau di dalam arena politik.²³ Rakyat Palestin pula telah memberi

amaran sekiranya lawatan tersebut diteruskan maka sesuatu yang buruk pasti akan berlaku. Amaran ini dikeluarkan menerusi akhbar dan juga melalui Pihak Berkuasa Palestin sendiri.²⁴

Oleh itu, apabila Sharon tetap juga melawat tempat tersebut maka ia dianggap sengaja membangkitkan kemarahan rakyat Palestin. Kedatangan Sharon telah menyebabkan rakyat Palestin keluar beramai-ramai untuk membantah tindakan tersebut. Pemuda-pemuda Palestin dengan jumlah angka sekitar 1500 orang telah menyemarakkan suasana dengan nyanyian dan slogan-slogan anti Israel di samping melemparkan batu ke arah tentera Isarel ketika lawatan Sharon.²⁵ Pada keesokan harinya keganasan semakin serius. Tentera Isarel secara besar-besaran telah datang semula ke Haram al - Sharif dan ini telah menguatkan lagi ketegangan yang sedia ada. Mereka melepaskan tembakan secara rambang terhadap rakyat Palestin yang masih belum selesai sembahyang Jumaat dan mengakibatkan lima orang daripada rakyat Palestin terbunuh²⁶

Kematian mereka telah menyemarakkan lagi suasana anti Israel dan daripada sini rakyat Palestin telah berikrar untuk menyambung semula Intifadah serta meneruskan pemberontakan. Penggunaan perkataan kemudiannya Intifadah telah menjadi satu kebiasaan.²⁷ Penentangan dan tunjuk perasaan bukan setakat di Jerusalem, Ramallah atau Gaza malah ia merebak ke bandar-bandar lain di Palestin. Suasana Intifadah pada kali ini tidak banyak berbeza dengan Intifadah yang terdahulu tetapi pada kali ini ia agak lebih keras dan ganas kerana mereka telah memperolehi pengalaman daripada Intifadah yang terdahulu.

Isu Palestin semakin mendapat perhatian dunia apabila tersebarnya rakaman kekejaman Yahudi yang membunuh seorang kanak-kanak iaitu Mohammed al-Dura yang berusia 12 tahun pada 30hb. September 2000. Beliau ditembak ketika duduk di dalam ketakutan di belakang ayahnya bagi menyelamatkan diri. Tentera Israel kemudiannya mengaku bertangungjawab diatas kematian tersebut.²⁸ Sungguhpun begitu, kekejaman Yahudi masih berleluasa walaupun mendapat kutukan dunia dan tidak ada satu kuasa besar dunia yang dapat menghalang perbuatan mereka.

Oleh itu, Intifadah rakyat Palestin semakin ganas. Dari hari ke hari penentangan rakyat Palestin terhadap Israel makin bertambah. Mereka tetap berjuang walaupun tentera-tentera Israel sering melepaskan peluru hidup yang mengorbankan ramai rakyat Palestin termasuk kanak-kanak.²⁹ Bagi rakyat Palestin, Israel sanggup melakukan apa sahaja untuk menyekat Intifadah. Menembak dan meruntuhkan rumah-rumah Palestin, membunuh dan menyerang orang-orang awam serta pekerja-pekerja perubatan, membuat tangkapan beramai-ramai terhadap rakyat Palestin dan lain-lain lagi bagi mengundang rasa takut terhadap Israel.³⁰

Kemuncak tindakan Israel ialah mengepung pemimpin Palestin iaitu Presiden Yasir Arafat serta 250 orang pembantunya pada September 2002 di Ramallah serta memutuskan bekalan elektrik dan hubungan Yasir dengan dunia luar. Tujuan Isreal ialah supaya Yassir tunduk kepada tekanan dan dapat menyerahkan 50 orang rakyat Palestin yang dilabelkan oleh mereka sebagai ketua pengganas. Walau bagaimanapun Yasir dan pembantunya nekad untuk tidak menyerahkan diri dan rela mati daripada berbuat demikian.³¹

Kini Intifadah rakyat Palestin masih diteruskan. Israel pula tanpa mempedulikan resolusi atau desakan yang dikeluarkan oleh PBB bebas melakukan apa sahaja

terhadap rakyat Palestin. Arafat pula telahpun tersingkir daripada menjadi pemerintah Palestin kerana Israel menyifatkannya sebagai tidak relevan kerana gagal untuk menghentikan siri-siri serangan berani mati yang dilakukan oleh rakyat Palestin.

Walau bagaimanapun bagi rakyat Palestin rundingan perdamaian sudah tertutup dan mereka akan terus menyambung Intifadah melalui generasi berikutnya sehingga semua tanah Palestin dibebaskan.³² Ariel Sharon juga menolak untuk mengadakan rundingan dengan rakyat Palestin selagi Intifadah tidak dihapuskan.³³ Pertentangan pemikiran dan cara tindakan di antara kedua-dua belah pimpinan Palestin dan Israel menjadikan masalah Palestin tidak ada jalan penyelesaiannya. Bagi rakyat Palestin mereka akan terus melaksanakan Intifadah walaupun sering mendapat ugutan dan ancaman daripada pihak Israel.

2.4 Era Baru Perjuangan Rakyat Palestin

Gerakan Intufadah Palestin telah banyak membawa pembaharuan di dalam perjuangan rakyat Palestin terutamanya ketika meletus Intifadah 1 yang berlaku secara spontan. Manakala Intifadah 2 menjadi lebih radikal dengan penglibatan serangan berani mati yang semakin mendapat tempat dihati rakyat Palestin.

2.4.1 Revolusi batu

Pertempuran di antara rakyat Palestin dan tentera Israel sudah pastinya menunjukkan perjuangan yang tidak seimbang di antara keduanya. Tentera Israel dengan kekuasaan dan kelengkapan senjata mampu untuk berbuat apa sahaja sedangkan rakyat Palestin pula sebaliknya. Sungguhpun begitu, semangat perjuangan dan ketahanan rakyat

Palestin cukup tinggi untuk berhadapan dengan tentera Israel walaupun cuma menggunakan batu sebagai senjata.

Menggunakan batu untuk mendapatkan sebuah negara memanglah suatu perkara yang agak mustahil. Walau bagaimanapun rakyat Palestin melihat daripada penggunaan batulah akan melahirkan perjuangan bersenjata yang mampu mendapatkan kembali negara mereka.³⁴ Ini bermakna lemparan batu adalah sebagai satu motivasi awal kepada rakyat Palestin untuk melakukan perjuangan yang lebih besar. Justeru itu, rakyat Palestin menzahirkan bantahan di atas ketidakadilah dan penderitaan mereka selama berdekad melalui lemparan batu.³⁵ Malah setiap tindakan kekejaman tentera Israel juga akan dibalas dengan balingan batu di samping bom tangan buatan sendiri yang mampu mengorbankan tentera Israel.

Mudahnya untuk membuat lemparan atau balingan batu menyebabkan semua golongan peringkat umur dan jantina dapat turut serta di dalam tindakan tersebut. Apa yang diperlukan adalah keberanian untuk berhadapan dengan tentera Israel kerana balingan batu biasanya dibuat dalam jarak yang dekat. Dalam hal ini kanak-kanak dan wanita Palestin turut terlibat dan mereka menunjukkan semangat keberanian dan kesungguhan yang begitu tinggi.

Kanak-kanak biasanya berada di barisan hadapan apabila membuat balingan batu dan ia sudah menjadi satu tradisi di dalam hidup mereka. Berjaya melemparkan batu ke arah kenderaan Israel menjadikan mereka seorang ‘lelaki’ Walau bagaimanapun kadangkala balingan batu dibuat di dalam kumpulan kecil yang telah

dilatih tetapi biasanya ia dilakukan di dalam kumpulan yang besar dengan penyertaan daripada orang dewasa lelaki atau wanita.³⁶

Penyertaan dan keterlibatan semua rakyat Palestin di dalam balingan batu telah menyebabkan berlakunya serangan batu secara besar-besaran ke atas tentera Israel. Dengan itu, tidak hairanlah Intifadah yang dilancarkan oleh rakyat Palestin pada kali pertama ini dirujuk sebagai ‘Peperangan Batu’ (*War of Stones*).³⁷

Tentera Israel pula amat takut dengan lemparan batu rakyat Palestin. Bagi mereka tidak mustahil mereka dikalahkan dengan lemparan batu. Hal ini menyebabkan tentera Israel sering bertindak balas terhadap rakyat Palestin. Walau bagaimanapun rakyat Palestin mempunyai sifat keyakinan yang begitu tinggi dan tidak takut menghadapi tentera Israel meskipun risiko daripada balingan batu begitu tinggi. Mereka berpegang dengan konsep pertolongan Allah kerana sejarah telah membuktikan tentera Jalut yang mempunyai kelengkapan senjata yang besar akhirnya kalah dengan tentera Thalut sebuah pasukan kecil dengan izin Allah.

2.4.2 Penonjolan Semangat Berdikari

Pada mulanya penglibatan negara-negara Arab di dalam konflik Palestin–Israel memberi pengharapan kepada rakyat Palestin untuk mendapatkan kembali negara mereka. Gabungan kewangan dan kekuatan negara-negara Arab dilihat mampu untuk mengalahkan tentera Israel. Ini kerana lawan Israel bukan sahaja rakyat Arab Palestin malah dengan dunia Arab seluruhnya. Tanggapan rakyat Palestin diperkuatkan lagi

dengan penubuhan Pertubuhan Liga Arab yang ditaja oleh Mesir pada tahun 1945 dengan 22 buah negara Arab sebagai anggota.³⁸

Sungguhpun begitu, kekalahan negara Arab sebanyak empat kali di dalam perperangan Arab-Israel pada 1948, 1956, 1967 dan 1973 telah mengubah persepsi rakyat Palestin untuk tidak bergantung semata-mata dengan negara Arab. Perubahan ini dibuat apabila mereka melihat tiadanya kesepadan dan kerjasama di antara negara Arab untuk menyelesaikan masalah Palestin yang dianggap menjadi punca kekalahan. Kegagalan untuk membentuk kesepakatan dunia Arab terjadi disebabkan mereka saling mengesyaki sesama sendiri di samping melihat tentera Israel begitu kuat untuk dikalahkan.³⁹

Bertitik tolak dari itu, keyakinan rakyat Palestin terhadap negara Arab turut merosot. Ini ditambah pula dengan ketidakseragamaan tindakan yang diambil untuk menghadapi Israel menyebabkan rakyat Palestin merasakan negara Arab tidak bersunguh-sungguh untuk menyelesaikan masalah mereka. Mesir ketika berada di bawah Presiden Hosni Mubarak berminat mengadakan rundingan damai melalui Perjanjian Damai Camp David dari mencetuskan konfrontasi. Keadaan yang sama juga berlaku terhadap Jordan, dan Syria. Hanya Iraq dan Libya sahaja yang tidak mahu berkompromi terhadap Israel.⁴⁰

Kemelut negara Arab semakin meruncing apabila mereka sendiri terlibat dengan perperangan saudara seperti di Lubnan dan turut membabitkan kuasa besar dunia seperti Amerika Syariat dan Russia di dalam kancang politik negara mereka.⁴¹ Peperangan Iran-Iraq pula terus menjadikan agenda rakyat Palestin menjadi semakin

terpinggir. Ketidakupayaan negara Arab untuk menyelesaikan masalah dapat dilihat apabila mereka telah membina imej anti Palestin dan menuduh rakyat Palestin sebagai punca kurangnya pembangunan di negara Arab serta menggambarkan rakyat Palestin sebagai pencetus masalah serta bebanan.⁴²

Menyedari banyaknya pemasalahan dalaman dan luaran negara Arab memberi kesedaran kepada rakyat Palestin bahawa pembebasan negara mereka hanya akan dapat dicapai melalui usaha mereka. Atas kesedaran inilah maka Intifadah dicetuskan secara spontan oleh rakyat Palestin tanpa rancangan atau arahan dari mana-mana negara Arab .

Kemunculan Intifadah yang menjadi alternatif kepada rakyat Palestin untuk mendapatkan kembali negara mereka telah mengejutkan PLO. PLO sebagai wakil sah Palestin yang diakui di peringkat antarabangsa dan merupakan organisasi induk kepada pertubuhan-pertubuhan kecil lain sepatutnya berjaya membawa isu Palestin ke peringkat antarabangsa. Walau bagaimanapun keadaaan ini tidak menjadi kenyataan. Sebaliknya Intifadah yang menggambarkan penderitaan rakyat Palestin berjaya mendapat reaksi dan tumpuan dari masyarakat dunia. Kepimpinan PLO pula lebih banyak bermesyuarat dan menghabiskan masa bergerak di antara Tunis, Kaherah dan Amman menyebabkan hilangnya kepercayaan terhadap PLO sedangkan ketika itu tentera Israel banyak menceroboh tanah Palestin dan melakukan keganasan terhadap rakyatnya.⁴³

Penonjolan sikap berdikari rakyat Palestin juga dapat dikesan apabila mereka membuktikan pegangan PLO yang selama ini menganggap jalan untuk mendapatkan

negara mereka melalui perdamaian dengan tentera Israel di atas sokongan kuasa besar seperti Amerika Syarikat adalah salah.⁴⁴ Ini kerana Israel tanpa mempedulikan suara dunia terus melakukan keganasan dan pencerobohan terhadap tanah Palestin apatah lagi Amerika Syarikat adalah sekutunya yang sentiasa menyokong tindakan Israel. Keyakinan rakyat Palestin terhadap perjuangan Intifadah dan menolak pembabitan PLO terus memuncak apabila PLO mengiktiraf Israel sebagai sebuah negara menerusi Perjanjian Oslo dengan menerima resolusi 242 dan 338 yang dikeluarkan oleh PBB.⁴⁵

2.4.3 Penyatuan Perjuangan

Penonjolan semangat dan sifat kerjasama di antara rakyat Palestin membolehkan Intifadah bertahan dan menjadikannya sebagai sebuah perjuangan yang berterusan. Pemupukan sifat ini bermula daripada cetusan seluruh rakyat Palestin yang berada di Semenanjung Gaza dan Tebing Barat yang bangkit dengan keupayaan mereka sendiri untuk menentang Israel. Nyatanya perubahan tempat serangan terhadap Israel di wilayah yang diduduki ini telah menjadikan mereka saling bekerjasama untuk menentang Israel. Keadaan ini belum pernah berlaku sebelumnya di mana serangan banyak dilancarkan di sempadan-sempadan Israel oleh masyarakat diaspora Palestin yang berhasrat untuk kembali ke negara mereka.⁴⁶

Penyatuan rakyat Palestin bukan sahaja melibatkan penduduk dalaman di Tebing Barat dan Semenanjung Gaza semata-mata bahkan ia juga turut melibatkan seluruh rakyat Palestin yang berada di dalam pembuangan yang berselerak di seluruh negara Arab, Afrika, Amerika Latin, Eropah dan Amerika Utara.⁴⁷

Kesedaran di kalangan penduduk Palestin untuk membuat perubahan telah memperlihatkan penyertaan yang begitu besar daripada seluruh lapisan masyarakat Palestin dan menyebabkan struktur sosio politik masyarakat Palestin turut berubah. Seluruh peringkat umur dan kelas sosial masyarakat Palestin terbabit dan memberikan sokongan kepada Intifadah.⁴⁸ Penglibatan sejumlah besar rakyat Palestin yang tidak pernah terlibat sebelumnya seperti wanita, kanak-kanak, pekerja-pekerja yang bekerja di Israel, golongan profesional dan peniaga-peniaga di dalam sektor ekonomi di pusat bandar⁴⁹ telah membuktikan sifat kepercayaan terhadap usaha mereka sendiri untuk menentang Israel. Setiap golongan mempunyai peranan dan tugas masing-masing. Kanak-kanak dan wanita terlibat di dalam tindakan membaling batu, pekerja-pekerja Israel digalakkan untuk tidak pergi bekerja di Israel dan tindakan-tindakan lain untuk menyerang pentadbiran Palestin seperti berhenti dari menjadi polis, tidak membayar cukai dan pemboikotan barang-barang Israel.⁵⁰

Kesatuan tuntutan dan tindakan rakyat Palestin menyebabkan tentera Israel sukar untuk berhadapan dengan Intifadah walaupun pelbagai cara telah dilakukan untuk menghapuskannya. Penggabungan pelbagai pertubuhan dan parti yang terdapat di Palestin dan diletakkan di bawah pertubuhan yang dikenali sebagai Kepimpinan Nasional Bersatu (United National Leadership) telah menguatkan lagi perpaduan rakyat Palestin . Kumpulan Fatah, PFLP , DFLP PFLP-GC, parti komunis, dan Jihad Islam adalah merupakan pertubuhan yang bernaung dibawah pertubuhan tersebut.⁵¹

Penggabungan ini telah menyatukan rakyat Palestin kerana pendukung-pendukung aliran tersebut walaupun mempunyai pendekatan berbeza untuk

menghadapi Israel tetapi mempunyai matlamat yang sama untuk menghentikan penguasaan Israel. Penubuhan gabungan tersebut telah menjadikan Intifadah yang bergerak secara spontan menjadi lebih teratur dan berorganisasi sekaligus memastikan kelancarannya sehingga ditakuti oleh Israel. Melalui penggabungan ini telah terdapat satu penyelarasan di antara satu sama lain. Mereka bekerjasama dan menghulurkan bantuan terhadap saudara mereka yang dikenakan tindakan oleh pihak Israel dengan membuat pengagihan makanan , minuman dan pakaian. Di samping itu, arahan untuk mengambil sesuatu tindakan sering dikeluarkan sehingga menjadikan Intifadah lebih terancang dan kuat.⁵² Dari sini komitmen mereka yang bersifat individu telah bertukar menjadi kolektif dan dapat diertikan sebagai semangat kebangsaan Palestin.⁵³

Ternyata kebangkitan rakyat Palestin di dalam Intifadah telah mendorong kelahiran perpaduan di kalangan rakyat Palestin. Sifat perpaduan yang telah ditonjolkan ternyata telah memberi impak yang sangat besar kepada rakyat Palestin.

2.4.3 Penglibatan Gerakan Islam

Sehingga akhir tahun 1970-an penglibatan gerakan Islam di dalam politik rakyat Palestin belum bersifat agresif dan tidak melakukan aktiviti keganasan. Pada peringkat ini gerakan Islam cuma diwakili oleh Ikhwanul Muslimin dan Parti Pembelaan Islam (The Islamic Liberation Party). Kurangnya pengaruh gerakan Islam pada ketika ini adalah disebabkan suasana politiknya telah didominasi oleh pergerakan Fatah. Walau bagaimanapun, pergerakan Islam di Palestin telah mengalami perubahan pada tahun 1981 dengan tertubuhnya kumpulan Jihad Islam

yang banyak melancarkan gerakan militan terhadap Israel. Kelahiran kumpulan ini adalah sebagai akibat daripada Revolusi Iran pada tahun 1979 dengan kemenangan Ayatullah Khomeni yang bangun menentang pemerintahan beraja. Sentimen keagamaan yang digunakan oleh Khomeni ternyata telah memberi inspirasi kepada rakyat Palestin untuk beralih kepada perjuangan Islam di dalam menghadapi Israel. Peralihan ini juga turut dibuat apabila meningkatnya kekuatan Parti Likud dan fundamental Yahudi yang mengancam kesucian al-Aqsa dan Baitul Maqdis.⁵⁴

Akibat daripada dorongan tersebut, kumpulan Jihad Islam yang berpusat di Gaza telah membawa pendekatan radikal di dalam menghadapi Israel. Ideologi mereka adalah menggabungkan sentimen keagamaan dan semangat patriotik serta diperjuangkan di atas nama Islam.⁵⁵ Sikap tolak ansur yang dikenakan terhadap Israel ditentang bahkan bagi mereka negara Yahudi hanya dapat dilenyapkan melalui perang suci atau jihad. Tanggung jawab untuk menentang Israel dan membebaskan Palestin bagi mereka adalah kewajipan setiap individu (fardhu ain). Pembebasan negara dan tanah Palestin pula hendaklah dilakukan dengan kekuatan mereka sendiri dan sebarang penglibatan antarabangsa di dalam masalah Palestin hendaklah ditentang.⁵⁶ Selain itu, mereka cuba menghapuskan setiap elemen yang tidak bersifat Islam di dalam sebuah negara Islam.⁵⁷

Penggunaan agama sebagai wadah politik ternyata telah berjaya menarik sokongan ramai rakyat Palestin . Ini berikutan meluasnya siri-siri pemberontakan di Semenanjung Gaza, bahkan pada awal tahun 1986 gerakan Jihad Islam berada di barisan hadapan di dalam perjuangan menentang Israel.⁵⁸ Meluasnya sokongan rakyat Palestin terhadap Jihad Islam menunjukkan kaedah pendekatan lain yang digunakan

bagi menghadapi Israel telah mengalami kegagalan. Rakyat Palestin pernah mengambil nasionalis sekular⁵⁹ iaitu pertubuhan Fatah dan Marxis di dalam kumpulan PFLP tetapi ternyata semuanya gagal untuk menakutkan Israel.

Serangan-serangan radikal yang dibuat oleh kumpulan Jihad Islam nyatanya telah berjaya meletuskan Intifadah. Ia bermula dengan penglibatan anggotanya yang melarikan diri dari penjara dan berjaya mencetuskan suasana huru-hara dengan melancarkan serangan gerila terhadap Israel.⁶⁰

Penglibatan gerakan Islam menjadi semakin meluas dan terbuka selepas cetusan Intifadah. Ini berikutan penubuhan Hamas yang ditubuhkan pada tahun 1988 dengan ideologi mereka yang radikal. Tentangan mereka bukan semata-mata tentera Israel bahkan bagi mereka setiap pendatang Yahudi adalah sasaran tentangan dan musuh mereka.⁶¹ Ini berikutan matlamat mereka untuk menghalau Yahudi keluar dan menukuhan sebuah kerajaan Islam Palestin. Dengan ini, ia secara tidak langsung telah menambahkan kesedaran rakyat Palestin mengenai Islam dan sokongan terhadap kumpulan mereka juga meningkat. Mereka juga mengislamisasikan Palestin dengan melancarkan serangan terhadap pawagam-pawagam, kedai video serta menyerang wanita yang berpakaian tidak sopan, majilis perkahwinan yang mengandungi muzik barat serta tarian.⁶²

Pendekatan Hamas yang tidak mahu berunding dengan Israel bahkan tidak bersetuju dengan tindakan Pihak Berkuasa Palestin yang bekerjasama dengan Isreal begitu menakutkan Israel. Kini tindakan Hamas lebih menggerunkan Israel kerana mereka melancarkan serangan berani mati yang mengorbankan ramai rakyat Israel

dan bagi Hamas ia adalah sebuah jihad. Hanya itu sahaja cara untuk mengusir Yahudi dari bumi Palestin.

2.4.4 Penglibatan Generasi Muda

Keterlibatan generasi muda di dalam Intifadah adalah didorong oleh pengalaman hidup mereka yang begitu buruk di bawah pengusaan Israel. Dibesarkan dengan melihat tentera Israel, peluru getah, belantan, gas pemedih mata, perintah berkurung dan tangkapan-tangkapan membuatkan mereka menjadi lebih matang. Secara tidak langsung mereka turut memahami suasana politik di bawah penguasaan Israel. Pemahaman tersebut membolehkan mereka mengenali nama-nama kepimpinan PLO sebelum mereka pandai membaca dan menulis.⁶³ Oleh itu, sifat perjuangan telah tertanam di dalam diri mereka. Sungguhpun mereka tidak tahu aliran atau ideologi mana yang patut menjadi ikutan dan cuma mengikut pegangan keluarga tetapi nyatanya mereka tetap ingin mengusir Israel dari tanah air mereka.

Kelahiran Intifadah membuktikan bagaimana kanak-kanak Palestin telah menterjemahkan kebencian mereka dengan Israel melalui kerjasama dengan orang dewasa bagi menjayakannya. Ketakutan terhadap Israel tidak pernah terlintas di fikiran mereka sebaliknya diganti dengan semangat yang berkobar-kobar untuk menentang Israel. Setiap kanak-kanak telah diatur dengan tugas mereka yang tersendiri. Bagi kanak-kanak yang berusia tujuh hingga sepuluh tahun akan membakar tayar-tayar dan bertindak sebagai pemerhati terhadap tentera Israel, kanak-kanak yang berusia 11 hingga 14 tahun pula mengadakan sekatan jalan dengan batu-batu besar serta menggunakan alat melontar untuk melontar peluru-peluru yang kecil.

Manakala yang berusia 19 tahun bertindak sebagai pembaling batu dan mengagihkan makanan apabila terjadinya perintah berkurung. Golongan yang berusia 19 tahun ini biasanya diselaraskan di dalam kumpulan dan membuat serangan terus terhadap Israel.⁶⁴

Kebimbangan Israel terhadap penglibatan generasi muda telah membawa mereka kepada tindakan untuk menakutkan pemuda-pemuda Palestin. Walau bagaimanapun keadaan sebaliknya pula berlaku. Bagi generasi muda di tangkap dan dimasukkan ke dalam penjara menunjukkan sifat terpuji dan merupakan lambang keberanian.⁶⁵ Kebangkitan generasi muda lebih radikal di dalam fasa kedua Intifadah di mana mereka telah dilatih untuk membaling batu, melemparkan bom, atau membakar tayar ke arah tentera Israel. Selain itu, penggunaan kanak-kanak sebagai umpan atau helah bagi rakyat Palestin untuk menembak curi dari arah belakang telah berjaya mengorbankan ramai tentera Israel. Berlakunya penglibatan secara besar-besaran kanak-kanak di dalam Intifadah adalah hasil galakan ibu bapa mereka yang berbangga sekiranya anak mereka terkorban atau mati syahid.⁶⁶

2.4.5 Pendekatan Berani Mati

Pertentangan rakyat Palestin terhadap Yahudi di dalam fasa kedua memperlihatkan tindakan mereka yang lebih radikal dengan melakukan serangan berani mati iaitu mengorbankan diri untuk membunuh tentera Israel dan pendatang Yahudi. Tindakan ini di ambil setelah melihat bertambahnya aktiviti keganasan dan kekejaman terhadap rakyat Palestin di samping kegagalan sesi rundingan dan perdamaian dengan Yahudi.

Perjuangan yang berlandaskan jihad ini telah menarik sokongan ramai dari kalangan rakyat Palestin untuk sama-sama terlibat terutamanya golongan kanak-kanak dan generasi muda, termasuk golongan muda wanita yang bilangannya semakin bertambah.⁶⁷ Peningkatan penyertaan ini menunjukkan berlakunya kesedaran di kalangan rakyat Palestin yang menganggap dengan cara ini sahaja boleh menakutkan tentera Israel. Pengorbanan mereka dengan meletupkan diri untuk membunuh tentera Israel merupakan satu tindakan berani yang mengharapkan agar masalah mereka dapat di atasi setelah kegagalan di dalam pelbagai cara dan pendekatan. Mereka juga mengatakan sudah tidak ada harapan terhadap perdamaian dan akan terus meletupkan diri sebagai senjata utama di dalam melawan tentera Israel.

Untuk memastikan kejayaan tindakan ini, mereka telah memilih tempat-tempat yang dipenuhi dengan orang ramai seperti tempat membeli belah, kafetaria, stesen-stesen bas dan sebagainya. Kali ini bukan sahaja tentera Israel atau pendatang Yahudi yang dijadikan sasaran bahkan orang awam Israel juga turut terlibat. Pembunuhan orang-orang awam Israel yang tidak berdosa ini telah menimbulkan pertelingkahan pendapat di kalangan rakyat Palestin yang beragama Islam. Sebahagiannya mengatakan tindakan tersebut tidak disuruh di dalam Islam manakala sebahagian yang lain pula mengatakan ia adalah sebagai satu jihad dan terbunuh adalah dianggap syahid.

Hamas dan Jihad Islam adalah dua kumpulan yang berpegang dengan kepercayaan mengorbankan diri untuk membuatkan orang lain hidup merupakan satu perbuatan mulia dan dianggap syahid. Ia menggabungkan semangat nasionalisme dan

pegangan keagamaan untuk menghapuskan Yahudi. Tambahan pula, serangan berani mati ini adalah efektif sehingga menyebabkan tentera Israel tidak mampu untuk bertahan. Pendatang-pendatang Yahudi pula terpaksa keluar dari Israel serta ekonomi Israel turut lumpuh. Bagi mereka, cara ini adalah senjata yang paling utama kerana tentera Israel tidak mampu untuk menghapuskannya dan ia sukar untuk dikenal pasti.⁶⁸

Sebahagian yang lain pula berpendapat generasi muda yang terlibat dengan tindakan ini ialah mereka yang tidak faham dengan ajaran Islam . Bagi mereka tindakan golongan muda ini adalah sebagai protes untuk menunjukkan bahawa mereka tersiksa setelah melihat keluarga dan rakan taulan mereka berada di dalam suasana tertekan di bawah penguasaan Yahudi. Golongan ini berpendapat generasi muda tidak boleh berputus asa dan penguasaan Yahudi tidak membolehkan seseorang itu mengenepikan hukum Allah yang melarang seseorang itu berputus asa dan tidak menaruh sebarang harapan.⁶⁹ Briged al -Aqsa iaitu cabang dari kumpulan Fatah yang turut terlibat di dalam serangan berani mati ini, lebih menekankan ideologi mereka yang bersifat semangat kebangsaan Palestin dan bukannya politik Islam.⁶⁹ Kumpulan PFLP yang turut bertanggung jawab melancarkan serangan berani mati menegaskan tindakan yang dibuat adalah salah satu strategi untuk menyambung semula perjuangan revolusi menentang Israel dan menolak sebarang perjanjian yang dibuat oleh pihak Berkuasa Palestin dengan Yahudi.⁷¹

Serangan berani mati yang dilancarkan oleh rakyat Palestin sebenarnya tidak setimpal dengan pengorbanan yang dibuat oleh mereka apabila tentera Israel bertindak balas dengan membunuh lebih ramai oleh rakyat Palestin di samping

tekanan-tekanan lain yang bertujuan untuk menekan tindakan tersebut. Sungguhpun begitu, mereka tetap meneruskan perjuangan tersebut dan menganggap cara ini sahaja yang berjaya untuk membuat Israel gelisah. Perbuatan ini pula dianggap mulia, mendapat kehormatan dan dianggap sebagai mujahedeen di dalam Islam.⁷²

2.5 Kesimpulan

Tempoh masa yang panjang bagi rakyat Palestin mencetuskan Intifadah selepas penguasaan Yahudi ke atas wilayah mereka bukanlah bermakna mereka takutkan tentera Yahudi atau mereka berpeluk tubuh semata-mata. Bahkan proses kelahiran Intifadah berlaku seiring dengan pendudukan Yahudi ke atas mereka cuma ia dizahirkan melalui corak perjuangan yang berbeza.. Melalui perjuangan sebegini rakyat Palestin telah mendapat pengalaman dan seterusnya telah mencetuskan Intifadah setelah melihat kegagalan perjuangan sebelumnya yang masih tidak dapat mengubah nasib mereka, bahkan keganasan dan kekejaman Yahudi semakin berleluasa. Ia dicetuskan dengan objektif yang jelas supaya berakhirnya pendudukan Yahudi dan pemberian sebuah negara Palestin yang bebas buat mereka dapat ditubuhkan.

Sungguhpun Intifadah digelar sebagai tindakan dan aktiviti keganasan oleh tentera Israel dan Amerika Syarikat tetapi rakyat Palestin tetap meneruskan perjuangan mereka tanpa mempedulikan ancaman Yahudi dan Amerika yang berusaha untuk menghapuskan keganasan tersebut. Ternyata Intifadah yang membawa pembaharuan perjuangan dengan serangan berani mati serta keterlibatan seluruh

penduduk Palestin tanpa mempedulikan pegangan ideologi telah berjaya menakutkan tentera Israel. Rakyat Palestin pula tidak akan menghentikan Intifadah selagi negara mereka yang bebas dan merdeka belum wujud walaupun pelbagai tindakan dan sekatan dikenakan ke atas mereka. Ternyata Intifadah telah memperkuatkan ketahanan diri mereka di samping tingginya kepercayaan terhadap usaha mereka sendiri untuk menentang Israel.

Nota Hujung

1. Wan Norazah Wan Chik & Nor Sedek Ismail, "Dapatkan Intifada Palestin Bertahan", *Mingguan Malaysia*, 29 September 2002, hlm.6
2. Edy Kaufman, Shukri Abed, Akifumi Ikeda, *Intifada and Peace Process Prospect For The Political Stabilization In The Middle East*, Tokyo: Institute Developing Economies, 1989, hlm. 66
3. Don Peretz, *Intifada The Palestinian Uprising*, USA: Westview Press, 1990 hlm.39
4. Ze'ev Chiff & Ehud Ya'ari, *Intifada The Palestinian Uprising Israel's Third Front*, New York: Simon & Schuster, 1989. hlm. 78
5. Aryeh Shalev, *The Intifada Causes and Effects*, USA: Westview Press 1991 hlm.13
6. Ibid., hlm.34
7. Don Peretz, *Intifada The Palestinian Uprising*, hlm. 39
8. Benny Morris, *Righteous Victims A History of The Zionist-Arab Conflict 1881-1999*, London: John Murray Publishers, 1999, hlm. 569
9. Ze'ev Chiff & Ehud Ya'ari, *Intifada The Palestinian Uprising Israel's Third Front* hlm.101
10. Geoffrey Aronson, *Israel, Palestinians and The Intifada Creating Facts on the West Bank*, London: Kegan Paul International Limited, 1987, hlm.323-324
11. Anita Vitullo, "Uprising in Gaza", Zachary Lockman & Joel Beinin (e.d), *Intifada The Palestinian Uprising Against Israeli Occupation*, London: I.B Tauris & Co, 1990, hlm.47
12. Ryan Daly, *Intifada The Road Of The Rebellion*, <<http://www.ccds.Charlottesville.nc.us/History/mideast/05/daly>> (20.6.2000)
13. Salim Tamari, "What The Uprising Means", Zachary Lockman & Joel Beinin (e.d) *Intifada The Palestinian Uprising Against Israeli Occupation*, London: I.B Tauris & Co.1990, hlm.34
14. Avi Shlaim, *The Iron Wall Israel and The Arab World*, London: Penguin Group 2000, hlm.518
15. Editorial The Mili Gazette, *Implications of the New Intifadah*, 1-15 November2000,<<http://www.miligazette.com/archieves/1-11-2000 /EDIT.htm>> (20.6.2000)

-
16. Rania Masra, *The al-Aqsa Intifadah*, Nov-Dec.2001,<[http://www.thirdworldtraveler.com/Middle East /Al Aqsa Intifadah.html](http://www.thirdworldtraveler.com/MiddleEast/AlAqsaIntifadah.html)>,(12.2.2002)
 17. Alan Dowty and Michelle Gawerc, *The Intifada: Revealing The Chasm*, Meria Journal, September 2001,<<http://meria.idc.ac.il/journal/2001.issue3/jv53a4.html>>, (12.2.2002)
 18. Dzulkfley Zanudin, "Bara Intifada Tentang Kekejaman Zionis", *Berita Harian*, 24 September 2001, hlm.22
 19. The Palestinian Society For Protection of Human Rights and the Enviromnet, *The Israeli Media and The Intifada*, 4 Dis. 2000, <<http://www.lawsociety.org/Reports/reports/2000/media1.html>>,(7.7.2002)
 20. BBC News, *Q&A: Middle East Conflict*, 5.6.2002, <http://news.Bbc.co.uk/hi/english/world/middle_east/newsid_183000/1831251.stm>,(7.12.2002)
 21. Editorial The Mili Gazette, *Implications of the new Intifadah*, 1-15 November 2000,<<http://www.miligazette.com/archieves/1-11-200/EDIT.htm>>,(20.6.2000)
 22. Reuvan Paz, *The Arabs in Israel, Defending Al Aqsa or Fighting For Quality*, 4 Okt .2000, <http://www.ict.org.il/articles/articledet.cfm?Artic_lei_d=132> , (27.6.2002)
 23. US Department of State, *Sharm el Sheikh Fact Finding Committee Final Report*,30 April 2001,<<http://usinfo.state.gov/regional/nea/mitchell.htm>>,(27.6. 2002)
 24. Alan Dowty and Michelle Gawerc, *The Intifada: Revealing The Chasm*, MeriaJournal,September2001,<<http://meria.idc.ac.il/journal/2001.issue3/jv53a4.html>>, (12.2.2002)
 25. Palestine Facts, *What Started the al-Aqsa Intifada*, Sept.2000, <http://www.palestinefacts.org/pf_1991_to_now/alaqsa_star.php>,(7.7.2002)
 26. BADIL, *Background Information on The Al Aqsa Intifada*, <<http://www.badil.org/Resources/Intifada/background.htm>>, (27.6.2002)
 27. Alan Dowty and Michelle Gawerc, *The Intifada: Revealing The Chasm*, MeriaJournal,September2001,<<http://meria.idc.ac.il/journal/2001.issue3/jv53a4.html>>, (12.2.2002)
 28. BBC News, *Key Intifada Moments*,28 Sept 2001, <http://news.Bbc.uk/hi/english/world/middle_east/newsid_1568000/1568463stm>, (12.2.2001)
 29. The Palestinian Society For Protection of Human Rights and the Enviromnet, *The Israeli Media and The Intifada*, 4 Dis. 2000, <<http://www.lawsociety.org/Reports/reports/2000/media1html>>,(7.7.2002)

-
30. BADIL,Background Information on *The Al Aqsa Intifada*, <<http://www//.badil.org./Resources/Intifada/background.htm>>, (27.6.2002)
31. Wan Norazah Wan Chik dan Nor Sedek Ismail, "Dapatkah Intifada Bertahan, hal. 6
32. Abdullah Arba, *Intifada results of Israeli atrocities*, 7.Jun.2002, <<http://www.gulf-news.com/articles/news.asp?ArticleID=53652>>,(12.7.2002)
33. BBC News,*Q&A: Middle East Conflict*, 5.6.2002, <http://news.Bbc.co.uk/hi/english/world/middle_east/newsid_183000/1831251.stm> , (7.12. 2002)
34. Kathy Bergen, David Neuhaus, Ghassan Rubeiaz, *Justice and The Intifada: Palestinians and Israelis Speak Out*, New York:Friendship Press, 1991,hlm.35
35. Gene Sharp, "The Intifadah and Nonviolent Struggle",*Journal of PalestineStudies*, Vol. XIX , Autmn 1989, hlm.7
36. Daoud Kuttab, "A Profile of the Stonethrower", *Journal of Palestine*, Vol. XVII, no. 3, Spring 1988, hlm. 15
37. Wikipedia,*Intifada*, 15.Jun2002, <http://www.wikipedia.org/w/kip.htm?title = First_ Intifada>, (28.9.2002)
38. Mohamad Agus Yusoff, "Palestin Perlukan Pembelaan: Di manakah Perpaduan Islam"? *Al Islam*, Feb 1992, hlm. 41
39. MASSA. " Palestin Perlu Tentukan Nasib Sendiri" 17-23 Februari, 2001,hlm.49
40. Ibid
41. Hamedi Mohd. Adnan, *Krisis Timur Tengah* , Kuala Lumpur : Penerbit Amal, 1991, hlm. 62
42. Dan Cohn-Sherbok , Dawoud El Alami, *The Palestine-Israeli Conflict. a Beginners Guide*, England:Oneworld Publications,2001, hlm. 160
43. Emile A. Nakhleh, "The Palestinians and the Future: Peace through Realism", *Journal of Palestine Studies*, Vol.XVIII, Winter 1989, hlm.5
44. Jerome Segal, *Does the State of Palestine Exist*, *Journal of Palestine Studies*, Vol. XIX NO.1 Autumn 1989, hal.21
45. Kessing's Guide to the Mid-East Peace Process, London:Cartermill International Ltd, 1996, hlm. 80-81
46. David McDowall , *Palestine and The Uprising And Beyond*, London: I.B Tauris & Co.Ltd,1989,hlm.30

-
47. Edward W. Said, . *The Politics of Dispossession ,The Struggle for Palestinian Self Determination 1969-1994*: London:Chatto & Windus Limited 1994,hlm.137
48. Rex Brynen & Neil Caplan, “The Palestine Uprising” Rex Brynen (e.d), *Echoes of the Intifada : Regional Repercussions of the Palsetinian–Israeli Conflict*, USA: Westview Press 1991,hlm.7
49. Salim Tamari, “What The Uprising Means” Zachary Lockman & Joel Beinin(e.d),. *Intifada The Palestinian Uprising Against Israeli Occupation*, London: I.B Tauris &Co, 1990, hlm.13
50. Ritchie Ovendale *The Arab Israeli Wars*, London: Longman, 1992, hlm.255
51. Omar Massalha, *Towards the Long Primised Peace*, London: Saqi Books, 1994, hlm.19
52. Daoud Kuttab, “A Profile of the Stonethrower”, *Journal of Palestine*, Vol. XVII, no. 3 Spring, 1988, hlm.20
53. Kenneth W. Stein, *The Intifada and the Uprising of 1936-1939 : “A Comparison of the Palestinian Arab Communities,”* Robert O. Freedman(e.d) *The Intifada: Its Impact on Israel , the Arab World, and The Superpowers*, Miami: Florida International University Press.1991, hlm.18
54. Benny Morris, *Righteous Victims A History of The Zionist-Arab Conflict 1881-1999* London: John Murray Publishers, 1999.hlm.569
55. Jean Francois Legrain, “HAMAS: Legitimate Heir of Palestinian Nationalism”, J.L Esposito(e.d), *Political Islam:Revolution, Radicalism or Reform*, Boulder: Lynne Rienner, 1997, hlm.162
56. Aryeh Shalev, *The Intifada Causes and Effects*, hal.18-19
57. Ritchie Ovendale,*The Arab Israeli Wars*, London:Longman, 1992 hal. 254
58. Omar Massalha, *Towards the Long Primised Peace*, hal.196
59. Ialah kumpuan yang tidak menjadikan agama sebagai dasar perjuangan dan memilih untuk menubuhkan negara Palestin yang bersifat demoristik.
60. MideastWeb*Palestinian Organization and Parties*, <http://www.Mideastweb.org/palestine_parties.htm#Fatah-Uprising>, (21.12.2002)
61. Benny Morris, *Righteous Victims*, hlm. 571
62. Jonathan Schanzer, “Palestinian Compared”, *The Middle East Quarterly*, Summer 2002<<http://www.Meforum.org./article/206>>, (21.12.2002)

-
63. Dauod Kuttab, "A Profile of the Stonethrower", hlm. 14
64. Kate Rouhana, "Children and Intifada", *Journal of Palestine Studies*, Vol.XVIII, No. 4, Summer 1989, hlm. 111
65. Gail Pressberg, "The Uprising: Causes and Consequences", *Journal of Palestine Studies*, Vol.XIX, Spring, hlm. 41
66. Worthy News, *Palestinian Playing Deadly Games With Children*, 15 Sept. 2002,<<http://worthynews.com/news-features/inside-mid-east-peace-71.html>> , (12.12.2002)
67. Naim Ateek, *Suticide Bombers:What is Theologically and Wrong with Suicide Bombings*,2002 <<http://www.Sabeel.org/news/cstone25/suicidebombers.htm>> (12.12.2002)
68. Ibid
69. I.Nader, *Suicide Bombing in Islam*, 2002,<<http://www.Submission.org/jihad/suicide.html>> (18.12.2002)
70. Council on Foreign Relations, *Al Aqsa Martyrs Brigade, Palestinian Nationalist*,2002,<<http://www.terrorismanswer.com/group/alaqsa.html>>,(20.12.2002)
71. Abconline, *PFLP claims Responsibility for Netanyahu Suicide Bombings*, 20 Mei 2002, <<http://abc.net.au/news/newsitems/s558929.htm>>, (12.2.2003)
72. Arabia.com,*Parents of intifada's first suicide bomber still confused.* <<http://www.arabia.com/news/article/print/english/04973,63583,00.html>>,(10.2.2003)